

# Transisi Nadiah

Dulu pasif, kini jadi *speaker*

**M**enyedari pelajar adalah tunas potensi yang perlu digilap, Universiti Putra Malaysia (UPM) sentiasa membuka peluang kepada para mahasiswa di peringkat sarjana muda, sarjana mahupun sarjana kedoktoran (PhD) untuk membentuk peribadi dan sahsiah diri melalui pelbagai medium bagi memastikan graduan dihasilkan boleh menjadi produk UPM yang berkebolehpasaran.

Justeru, sebagai mahasiswa pengajian peringkat PhD bahasa Melayu, Nadiah Suboh, 30, menyahut cabaran itu dengan melibatkan diri dalam keusahawanan teknologi (*technopreneurs*) di bawah program *InnoHub*<sup>®</sup> UPM.

"Saya memilih terlibat serius di dalam *InnoHub*<sup>®</sup> kerana di bawah program ini kami dipupuk dan diberi kepercayaan untuk membangunkan diri bukan sahaja membawa inovasi kami ke tengah, bahkan membangunkan perniagaan berasaskan inovasi dan teknologi yang kami cipta bersama pensyarah," katanya.

Menurutnya yang merupakan

Pengurus Projek (CEO) sebuah syarikat pemula (*start-up*) berkaitan *technopreneurs* sejak 2015, pembabitan dalam *InnoHub*<sup>®</sup> bukan sekadar membangunkan produk atau melahirkan syarikat semata-mata, sebaliknya ia turut membantu dalam proses pembentukan individu berkarisma, membentuk sahsiah diri, mampu berkongsi dan berani menyuarakan idea yang dapat memberi impak kepada masyarakat.

## Pendorong

Akui anak kelahiran Melaka ini, penglibatan dalam bidang ini banyak didorong ketua projeknya ketika itu, Prof. Madya Dr. Normahdiah daripada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM yang membuka jalan dan memberi peluang kepadanya.

"Beliau memberi kepercayaan dan akses penuh kepada saya untuk membangunkan produk inovasi *STAR Kit* (*Story Telling Augmented Reality Kit*) dari proses validasi pasaran sehingga proses pengkomersialan. Begitu juga rakan-

rakan *InnoHub*<sup>®</sup>, keluarga dan mentor, terutamanya daripada *Putra Science Park* (PSP), UPM yang banyak memberi sokongan dan galakan sejak awal sehingga hari ini," jelasnya.

## Cabaran

Sebagai seorang penuntut jurusan bahasa Melayu, akui Nadiah lagi,



awalnya agak sukar untuknya bergaul apatah lagi berkomunikasi dalam bahasa Inggeris sedangkan dunia *technopreneurs* memerlukan individu sentiasa mempersiapkan diri bergaul, berkomunikasi dan yakin dalam membawa diri dan mewakili jenamanya.

"Kekangan untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris membuatkan saya hampir mengalah dan berputus asa, namun dengan latihan konsisten serta modul *InnoHub*<sup>®</sup> yang diberikan mentor *Putra Park Science* serta sokongan daripada rakan-rakan, saya berjaya mengatasi kelemahan sendiri dan menjadi lebih berkeyakinan," ujarnya.

Malah, dengan pendedahan dan latihan diterima, Nadiah yang pasif akhirnya berjaya mengatasi kelemahan diri sehingga pernah menjadi *speaker* jemputan untuk program *ASEAN U-Start*

## INFO

### Antara pencapaian Nadiah:

- Pengurus Projek (CEO) syarikat RealMaya Sdn. Bhd. (UPM *InnoHub*<sup>®</sup>/*start-up*) sejak 2015
- Menjadi *speaker* jemputan *ASEAN U-Start Conference - Youth Entrepreneurship Camp* - Peringkat ASEAN
- Penerima Pingat Emas di Pertandingan dan Pameran R&D PECIPTA 2015 - Peringkat Kebangsaan
- Penerima geran *Public Private Research Network* (PPRN) - RM50,000
- Penerima geran Cradle CIP150 RTP NBOS4 Program - RM200,000
- Produk *STAR Kit* telah digunakan dan dimanfaatkan pada lebih 3,000 orang pelajar pra sekolah di dalam dan luar negara
- Produk telah memasuki pasaran tempatan dan antarabangsa (Malaysia, UK, German, Jordan) dengan jumlah penjualan lebih 250 unit

*Conference* selain mewakili UPM menyertai *Youth Entrepreneurship Camp* di bawah program Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), juga di peringkat ASEAN.

"Selain itu, kelebihan melibatkan diri dalam *InnoHub*<sup>®</sup>, ia memberi peluang pekerjaan baharu kepada saya mahupun para penuntut sarjana atau PhD meneruskan pengajian dalam bidang yang sama. Melalui pendedahan yang lebih realistik, kita dapat memahami apa sebenarnya yang diperlukan orang ramai dan bukannya membuat sesuatu berdasarkan andaian atau teori semata-mata," jelasnya.



Bersama pelajar sekolah yang memanfaatkan produk inovasi *STAR Kit*.